

12 MAY 2003

Melayu-Umno

MELAYU PERLU BERSATU DAN BERPENGETAHUAN UNTUK PERTAHANAN KEUTUHAN

PULAU PINANG, 12 Mei (Bernama) -- Orang Melayu perlu bersatu, berusaha dengan lebih gigih serta mempunyai berpengetahuan yang cukup tinggi untuk membolehkan mereka terus mempertahankan Malaysia sebagai negara Islam yang maju, kata beberapa pemimpin Umno Pulau Pinang.

Ketua Umno Bahagian Bagan, Datuk Abdul Latiff Mirasa, berkata kehebatan Malaysia sebagai sebuah negara majmuk dan diterajui oleh orang Islam tidak disenangi negara-negara Barat yang seakan-akan enggan mengakui kemampuan orang Islam mentadbir negara.

"Semenjak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan bahawa Malaysia adalah negara Islam dan menunjukkan kemampuan dalam pelbagai bidang, terdapat usaha memecah belahkan orang Melayu di negara ini," katanya semasa diminta mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri semasa berucap pada sambutan ulang tahun Umno ke-57 di Stadium Merdeka malam tadi.

Perdana Menteri dalam ucapannya berkata kuasa-kuasa "penjajah" cuba memecahkan Umno yang menjadi benteng pertahanan kemerdekaan negara ini dan mereka menggunakan pelbagai alasan untuk menjatuhkan kerajaan yang ada sekarang.

Ketua Umno Bahagian Jelutong, Mohd Noor Hussain berkata, orang Melayu perlu mengukuhkan perpaduan sekiranya tidak mahu negara ini dijajah oleh kuasa asing.

Katanya perubahan sikap serta perpaduan bangsa perlu diberi keutamaan dalam menyakinkan bangsa lain bahawa orang Melayu sentiasa kuat serta dapat memimpin negara ini dengan baik.

Anggota Exco Pemuda Umno, Azman Shah Omar Shah berkata, orang Melayu harus mengambil pengajaran daripada peperangan yang berlaku di Afganistan dan Iraq yang membuktikan bahawa tanpa perpaduan di kalangan rakyatnya, negara mereka mudah diceroboh oleh kuasa besar.

Ketua Penerangan Wanita Umno Negeri Datuk Jahara Hamid berkata, banyak pihak tidak senang dengan kepimpinan negara ini kerana Malaysia adalah negara Islam yang maju.

Beliau meminta kaum wanita bekerja keras membantu kepimpinan untuk menangkis segala dakyah yang bertujuan memecah belahkan orang Melayu.

-- BERNAMA

NER ZS MAI